

P DPR BAHASA MELAYU

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

NAMA :

KELAS :

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

Berdasarkan karangan di bawah, sila isikan perkataan yang sesuai di dalam ruangan yang dikosongkan.

LANGKAH DAN CARA MENANGANI MASALAH PENYAKIT BERJANGKIT

Sejak dua dan tiga dekad kebelakangan ini kita dapat menyaksikan peningkatan kes-kes penularan penyakit di dalam negara mahupun di seluruh dunia. Ianya dikategorikan sebagai subset penyakit yang boleh ditularkan dan berjangkit kepada orang lain. Ia mampu merebak melalui laluan udara dan juga melalui hubungan fizikal. Polemik yang semakin membimbangkan masyarakat dunia amnya dan masyarakat Malaysia khususnya ini umpama dalam daging. Rentetan itu, kita wajar untuk cara terbaik untuk menangani masalah ini untuk daya tahan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Persis kata mutiara, mencegah lebih baik daripada merawat.

Perkara utama dalam menghadapi isu global ini adalah tindakan setiap individu dalam masyarakat untuk menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Kebersihan diri adalah nilai penting yang wajib diamalkan oleh semua manusia kerana kekotoran adalah punca kepada penularan ini. Setiap ahli masyarakat kalangan kanak-kanak dan dewasa perlu mengutamakan kebersihan diri dengan membuang sampah di tempat yang betul, sentiasa mencuci tangan selepas menggunakan tandas dan memilih restoran yang memiliki tahap kebersihan terbaik. Aktiviti dalam membersihkan kawasan perumahan dan tempat-tempat awam perlu sentiasa dianjurkan agar kebersihan dijaga di samping hubungan kemasyarakatan dapat dieratkan.



LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Maka, kita perlu sentiasa mengingatkan diri dan orang sekeliling supaya aspek kebersihan diri dan persekitaran dalam kehidupan seharian.

Cara lain dalam mencegahnya adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Masyarakat yang inteligensia adalah masyarakat yang gaya hidup sihat kerana manfaatnya yang besar bukan sahaja pada diri malahan berfaedah untuk negara. Gaya hidup sihat merangkumi pemakanan seimbang dan melakukan aktiviti riadah atau bersukan. Aktiviti ini yang dilakukan pada waktu lapang ini akan memanfaatkan diri individu tersebut. Mereka akan terhindar dari wabak dan tahap badan lebih kuat berbanding individu yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Justeru, pendidikan dan kempen kesedaran perlu digiatkan dalam melibatkan semua lapisan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat sebagai langkah menangani masalah yang kian meningkat masa kini.

Selain itu, ianya juga berpotensi dibawa oleh pelancong atau buruh asing. Pihak berkuasa untuk memperketatkan kawalan kemasukan pelancong dan buruh asing ke dalam negara. Pelancong asing mempunyai risiko rendah berbanding buruh asing yang akan menetap lebih lama dan berisiko bergaul dengan masyarakat tempatan.

P DPR BAHASA MELAYU

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Oleh itu, kesihatan perlu diwajibkan dan penangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) perlu diperkasakan. Amalan kebersihan mereka mungkin berbeza daripada kita jadi, pihak yang bertanggungjawab membawa buruh asing ini perlu memastikan kebajikan pekerja mereka dijaga dengan baik. Kesannya, kita dapat menjamin kesihatan kita di samping menyemarakkan ekonomi dengan kawalan yang baik ke atas kemasukan pelancong dan buruh asing.

Akhir sekali, cara-cara menangani adalah dengan memeriksa setiap bahan yang masuk ke dalam negara. Hal ini kerana kita tidak mahu berbuah dua kali seperti peristiwa yang telah berlaku dahulu di negara China dimana berlaku serangan selesema burung yang serius. Pihak berkuasa perlu memastikan haiwan-haiwan yang dibawa masuk ke negara ini bebas daripada jangkitan sebarang penyakit berbahaya. Tidak kira sama ada haiwan tersebut diimport untuk dijadikan makanan atau haiwan peliharaan. Sumber makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan juga perlu dan dipastikan kebersihannya daripada sebarang keracunan dan wabak. Kerjasama antara agensi dan kesihatan perlu dipererat agar tindakan ini dapat dijalankan dengan baik dan sekali gus memusnahkan ancaman wabak daripada luar.

PDPR BAHASA MELAYU

LATIHAN KARANGAN

KARANGAN

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR



Kesimpulannya, terdapat banyak cara yang boleh diusahakan untuk menangani masalah ini di Malaysia. Tindakan melawan penyakit secara holistik oleh semua pihak akan menyumbang kepada penurunan kes ini seterusnya negara yang bebas dari masalah ini. Media massa dan kerajaan berperanan besar dalam menyedarkan masyarakat kita akan kepentingan dan manfaat mencegah penularan wabak ini. Janganlah kita berfikiran jumud dalam perkara ini kerana menyesal dahulu , menyesal kemudian tidak berguna. Peribahasa ini membawa maksud kita perlulah sedar dan mengambil tindakan segera ke atas perkara yang merbahaya ini agar tidak kesal akan akibatnya dikemudian hari.